



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 ()

Tarikh : 19 Ogos 2014

SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI KPKT KE TAPAK PELUPUSAN SANITARI JERAM, SELANGOR

Kuala Selangor, 19 Ogos 2014- YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini mengadakan lawatan kerja ke Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Selangor

Tapak yang dioperasikan oleh Worldwide Landfill Sdn Bhd bermula pada 1 Januari 2007 itu menerima sisa daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang dihantar melalui Stesen Pemindahan Shah Alam, serta sisa pepejal dari Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Menurut operatornya Worldwide Landfills Sdn Bhd tapak yang berkeluasan 160 ekar ini dibangunkan dengan kapasiti 1250 tan sehari dan dijangka mencapai kapasiti maksima 8 juta tan sisa pepejal pada tahun 2013 nanti.

Namun seiring dengan peningkatan penjanaan sisa pepejal kini, tapak ini secara puratanya menerima 2600 tan sisa pepejal sehari iaitu melebihi kapasiti sepatutnya. Sehingga kini jumlah sisa pepejal keseluruhan yang diterima adalah 5.8 juta tan dan tapak ini dijangka mencapai kapasiti maksima yang lebih awal iaitu penghujung 2016. Memandangkan jangka hayat tapak ini yang akan ditutup awal, penambahan 100 ekar tanah sedang diusahakan di mana ia dapat menambah kapasiti sebanyak 8 juta tan lagi. Dan dijangka kapasiti maksima pada 2025.

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, walaupun Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) tidak dikuatkuasakan di Negeri Selangor, tetapi Kerajaan Persekutuan turut memberikan perhatian berkaitan pengurusan sisa di negeri ini, kerana kita harus maklum isu sisa pepejal merupakan isu nasional yang mempunyai hubung kait dengan

pelbagai isu lain seperti isu denggi yang amat merisaukan kita semua kini. Dan masalah pengurusan sisa pepejal turut dikenal pasti sebagai penyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes”.

“Sebagai makluman, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21 Shah Alam merupakan kemudahan yang dibina dan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, dan dioperasikan oleh Worldwide Sdn Bhd yang merupakan anak Syarikat Kerajaan Negeri. Stesen tersebut menerima sisa pepejal dari kawasan MPSJ, MBPJ, MBSA dan MPAJ sebelum dihantar ke tapak pelupusan ini. Dengan adanya Stesen Pemindahan tempoh penghantaran dari PBT-PBT tersebut dapat dipercepatkan berbanding penghantaran terus”, tambah YB Datuk Abdul Rahman Dahlan lagi.

Malah Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula (*Material Recovery Facility-MRF*) di tapak tersebut merupakan inisiatif yang diambil oleh Kementerian saya melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan memberi peluang kerjasama oleh Syarikat-syarikat swasta dalam usaha meningkatkan kadar kitar semula”. Kemudahan ini dilihat melengkapi pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dimulakan dengan amalan mengasingkan sisa dari puncanya oleh masyarakat dan kemudian disokong oleh kemudahan-kemudahan sebegini di tapak-tapak pelupusan.

Kemudahan tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia yang melibatkan kerjasama JPSPN, Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd dan Worldwide Landfills Sdn Bhd. Kemudahan yang beroperasi sejak November 2012 ini berkapasiti untuk memproses sebanyak 50 tan sehari. Mengikut rekod sebanyak 10 peratus sisa yang dihantar ke tapak pelupusan ini dapat dikitar semula dengan pecahan komposisi beg plastic: 41%, botol plastic: 10%, Plastik HDPE: 11%, Kertas: 22%, Tin Aluminium: 2% dan Kotak Minuman: 3%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my